

Latihan 1



Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

Soalan 1 berdasarkan gambar di bawah.



1 Beberapa orang _____ sedekah duduk di kaki lima kedai itu.

- A diminta
- B peminta
- C meminta
- D berminta

2 Yusmah _____ sebagai seorang ibu dalam filem terbarunya.

- A dilakon
- B lakonan
- C pelakon
- D berlakon

3 Soalan Matematik itu tidak _____ yang dijangkakan.

- A pemudah
- B semudah
- C termudah
- D mempermudah

4 Hasratnya tidak _____ walaupun dia telah berusaha dengan gigih.

- A terlaksana
- B pelaksana
- C pelaksanaan
- D melaksanakan

5 Pak Cik Ramli berasa gembira kerana cucu-cicitnya akan pulang _____ pada tahun ini.

- A beraya
- B perayaan
- C dirayakan
- D merayakan

6 Sikap membaca perlu _____ sejak kecil lagi.

- A memupuk
- B pemupuk
- C pupukan
- D dipupuk

7 Kita hendaklah _____ ketika menggunakan air atau elektrik.

- A penjimat
- B berjimat
- C penjimatan
- D menjimatkan

8 _____ utama syarikat tempatan itu berasal dari Amerika Syarikat.

- A Pelabur
- B Melabur
- C Dilaburkan
- D Melaburkan

9 Perwira negara _____ demi menjaga kedaulatan negara.

- A seperjuangan
- B perjuangan
- C pejuang
- D berjuang